



Ruj. Kami: KPM.400-2/1/9 JLD. 65 (32)
Tarikh: 10 Mac 2025

Pengarah,

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, **PERAK**

Tuan,

**PENGLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DALAM *INTERNATIONAL
EDUCATION INNOVATION COMPETITION (EDU@INNOVATE)*
TAHUN 2025**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat nombor rujukan UPSI/PPPI/UPPI/2025/211.4 (20) bertarikh 14 Februari 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Profesionalisme Guru (BPG) telah menerima jemputan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi menyertai *International Education Innovation Competition (Edu@Innovate)* tahun 2025.
3. Sehubungan dengan itu, bahagian ini menyokong program yang dianjurkan sebagai salah satu Pembangunan Profesionalisme Berterusan bagi peningkatan kompetensi dalam aktiviti inovasi dan kreativiti kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

.../2-

4. Justeru, **bahagian ini tiada halangan** untuk PPP terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan namun PPP masih perlu **mematuhi tata cara serta prosedur yang ditetapkan** dalam program yang dianjurkan. Untuk makluman tuan, makluman dan sebaran berkaitan program yang dianjurkan kepada semua PPP telah dipanjangkan melalui Ketua Jabatan di bahagian KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Sebarang urusan penyertaan PPP dalam program yang dianjurkan adalah di bawah tanggungjawab jabatan masing-masing.

5. Jika ada sebarang pertanyaan lanjut, pegawai yang boleh dihubungi ialah **Encik Shahrizan bin Shamsuddin di talian 03-88841246** atau **Puan Siti Suraiyah binti M.Horsi di talian 03-88841266** atau menerusi alamat e-mel suraiyah.horsi@moe.gov.my.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan saya ucapkan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ROHAYATI BINTI ABD HAMED)

Pengarah

Bahagian Profesionalisme Guru